

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1990/91

Jun 1991

FKF 333 Farmakokimia Sistem Saraf Pusat

Masa: (3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (A) Apakah yang dimaksudkan dengan 'psikosis'?

Beri contoh utama satu kelas ubat yang boleh digunakan untuk keadaan ini.

Terangkan mekanisme contoh ubat tersebut dan juga kesan(-kesan) sampingan yang berkaitan dengannya.

Apakah nasihat yang perlu anda berikan kepada pesakit yang menggunakan ubat tersebut.

(10 markah)

(B) Kebanyakan drug-drug berurai apabila disimpan terlalu lama. Bincangkan kestabilan kimia drug-drug berikut:

- (i) klorpromazina
- (ii) kloroform
- (iii) tribromoetanol

(10 markah)

2. (A) Nyatakan sejenis epilepsi yang dapat dirawat dengan fenitoin.

Nyatakan tiga (3) kesan sampingan utama ubat ini yang perlu diawasi.

Sekiranya pesakit itu sensitif kepada fenitoin, apakah ubat(-ubat) yang anda cadangkan sebagai gantinya.

Terangkan mekanisme(-mekanisme) ubat yang terlibat dalam merawat epilepsi. Kaitkan ini dengan etiologi penyakit tersebut.

(10 markah)

- (B) Terangkan dengan ringkas tentang

(i) nilai-nilai pKa 3.2 dan 10.8 bagi 2,3-dihidro-7-nitro-5-fenil-1H-1,4-benzodiazepin-2-on.

(ii) metabolisme bagi kloral hidrat.

(10 markah)

...4/-

3. Perencat monoamin oksidase (MAOI) merupakan obat pilihan terakhir dalam merawat keadaan depresi. Bincang pernyataan ini secara kritikal dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

(20 markah)

4. (A) Bincang tentang:

- (a) Rasional pemberian etanol untuk meringankan kesan keracunan metanol.
- (b) Rasional pemberian ammonium klorida di dalam keracunan amfetamina.
- (c) Rasional pemberian agen antikolinergik ketika pramedikasi untuk anestesia.
- (d) Rasional menasihati pesakit yang mengambil agen hipoglisemik oral agar mengelak daripada meminum alkohol.

(12 markah)

- (B) Bincangkan tentang kesan kokaina terhadap sistem saraf pusat.

(8 markah)

5. (A) (i) Terangkan tentang kesan farmakologi sama
ada asid lisergik dietilamida atau ganja.

(6 markah)

- (ii) Bincangkan dengan ringkas tentang kesan kronik alkohol.

(4 markah)

- (B) Merujuk kepada nama kimia 3-(2-dimetilaminoetil)indol, jawab soalan-soalan berikut:

- (i) Lukiskan strukturnya.
- (ii) Namakan kegunaan klinikal utamanya.
- (iii) Bincangkan sifat pengionan dalam larutannya.
- (iv) Bincangkan metabolismenya.

(10 markah)

6. (A) Tulis nota ringkas tentang

- (a) Tidur REM dan implikasi farmakologinya.
- (b) Rintangan darah-otak.

(10 markah)

...6/-

(B) Bincangkan metabolisme bagi drug-drug berikut:

- (i) 7-kloro-2,3-dihidro-1-metil-5-fenil-1H-1,4-benzodiazepina.
- (ii) 5,5-difenylimidazolidin-2,4-dion.
- (iii) asetilkolina.

(10 markah)

-ooOoo-